

Dr. M bimbang pelajar tidak sayang sekolah.

UM 5 JUL 2005

PUTRAJAYA 4 Julai — Tun Dr. Mahathir Mohamad bimbang dengan kecenderungan pelajar sekarang yang menganggap sekolah sebagai sesuatu yang menyusahkan sehingga kurang menghargainya sebagai institusi yang telah memberi pendidikan kepada mereka untuk menghadapi kehidupan.

Bekas Perdana Menteri berkata, berbeza dengan masa dulu terutama sewaktu zaman beliau bersekolah, pelajar amat menyayangi sekolah dan menghargai peluang yang diperoleh untuk menuntut ilmu.

Menurutnya, bilangan sekolah yang terhad pada masa itu mungkin menjadi antara penyebab para pelajar yang mendapat peluang belajar atau ditempatkan di sekolah tertentu seperti di Kolej Sultan Abdul Hamid berasa terhutang budi terhadap institusi yang telah memberi pendidikan kepada mereka.

“Saya sendiri sebagai salah seorang daripada 70 pelajar yang menyertai sekolah Inggeris kerajaan (GES) merasa amat bertuah.

“Bagi saya, kita boleh menyumbang ke arah kualiti kehidupan yang lebih baik dan nilai-nilai moral dengan menunjukkan rasa sayang kita kepada institusi yang telah memberi pendidikan kepada kita melalui sokongan dan sumbangan yang berterusan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis menan-

datangani perjanjian membangunkan bangunan Persatuan Bekas Pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid (SAHOCA) antara SAHOCA Kuala Lumpur (KL)/Selangor dan Syarikat Rahman Brothers Perumahan Sdn. Bhd. (SRBP) di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, hari ini.

Perjanjian ditandatangani Pengerusi SAHOCA KL/Selangor, Datuk Wira Syed Abdul Jabbar Shahabudin dan Pengerusi SRBP, Datuk Abdul Rahman Ibrahim.

Ia melibatkan pembangunan tanah SAHOCA di Kelana Jaya untuk pembinaan unit pangsa-puri dan bangunan perdagangan lima tingkat berharga lebih RM4.5 juta yang dijangka siap pada 2007.

Dr. Mahathir berharap pembinaan itu kelak yang akan memenuhi impian SAHOCA untuk memiliki bangunan sendiri dapat disiapkan dalam tempoh satu setengah tahun.

Beliau bangga kerana pembinaan bangunan itu bakal direalisasikan hasil sumbangan ahli SAHOCA sendiri yang tidak pernah melupakan institusi tempat mereka belajar dan mendapat pendidikan sehingga mencapai pelbagai kedudukan baik di dalam masyarakat pada masa ini.